



POLISI ANTIRASUAH

Jabatan Pengurusan Risiko, Tadbir Urus dan Integriti
Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan)
Diluluskan oleh Ahli Lembaga Pengarah pada 21 Disember 2025
(Versi Ketiga)

KAWALAN VERSI DOKUMEN

Polisi	Antirasuah
ID / Nombor Polisi	P2/01/ARP/2024/JPRTUI/V1
Pemilik Polisi	Jabatan Pengurusan Risiko, Tadbir Urus dan Integriti
Versi	3.0
Tarikh Kuatkuasa	21 Disember 2025
Tarikh Semakan Terakhir	19 Disember 2024
Diluluskan oleh	Ahli Lembaga Pengarah MBI
Tarikh Kelulusan	21 Disember 2025

REKOD KEMASKINI

Versi	Tarikh	Ringkasan Perubahan kepada Polisi
2.0	19/12/2024	Format dan Template Baru
3.0	15/12/2025	Pengemaskinian Klausula Kerahsiaan & Pertambahan Peruntukan Pengubahan Wang Haram

Kandungan

1.	<i>Pendahuluan</i>	3
2.	<i>Penarafan MBI Sebagai Badan Awam</i>	6
3.	<i>Bentuk Suapan Serta Kesalahan Utama Dalam ASPRM 2009</i>	8
4.	<i>Tindakan Pencegahan.....</i>	11
5.	<i>Kegagalan Melaporkan Aduan Berkaitan Rasuah</i>	12
6.	<i>Pengubahan Wang Haram, Pembiayaan Keganasan & Hasil Aktiviti Haram</i>	12
7.	<i>Kegagalan Melaporkan Aduan Pengubahan Wang Haram, Pembiayaan Keganasan & Hasil Aktiviti Haram</i>	18
8.	<i>Pemilikan Harta Berlebih-Lebihan</i>	19
9.	<i>Penyitaan Dan Pelucutan Harta.....</i>	19
10.	<i>Kesalahan Di Luar Malaysia</i>	19
11.	<i>Peraturan Berkaitan Bayaran Kemudahan.....</i>	20
12.	<i>Liabiliti Korporat.....</i>	20
13.	<i>Fungsi Dan Tanggungjawab.....</i>	22

1. PENDAHULUAN

1.1 Objektif

Polisi Antirasuah (“Polisi”) ini adalah bertujuan untuk:

- 1.1.1 Menggariskan dan memberikan kefahaman serta rujukan mengenai kesalahan rasuah, salah guna kuasa dan penyelewengan serta pengubahan wang haram melalui huraian definisi serta contoh-contoh situasi;
- 1.1.2 Memberi panduan tentang tindakan yang wajar diambil apabila berhadapan dengan situasi perlakuan rasuah, salah guna kuasa dan penyelewengan serta pengubahan wang haram;
- 1.1.3 Memastikan Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) (“MBI”) mempunyai tatacara mencukupi bagi mengenal pasti, memahami dan menghindari perlakuan rasuah, salah guna kuasa dan penyelewengan serta pengubahan wang haram; dan
- 1.1.4 Melindungi MBI daripada sebarang hukuman dan kesan yang mungkin berlaku akibat daripada tindakan rasuah, salah guna kuasa dan penyelewengan serta pengubahan wang haram.

1.2 Skop

- 1.2.1 Polisi ini menjelaskan perkara-perkara berkaitan rasuah, salah guna kuasa dan penyelewengan serta pengubahan wang haram di dalam pengurusan MBI yang mana boleh menyebabkan terjejasnya reputasi organisasi serta membawa kepada risiko implikasi undang-undang bukan sahaja kepada pelaku malah kepada organisasi.

1.3 Klausu Kerahsiaan

- 1.3.1 Polisi ini adalah merupakan hak milik MBI dan boleh diedarkan dalam kalangan kakitangan MBI dan syarikat milikannya, jika berkenaan. Kakitangan yang berkaitan mesti dibenarkan untuk mengakses Polisi ini untuk memastikan pematuhan.

1.3.2 Selain itu, maklumat yang terkandung dalam Polisi ini juga boleh didedahkan atau dikongsi kepada khalayak umum menerusi pelbagai platform organisasi seperti laman sesawang, media sosial dan sebagainya. Penyalahgunaan maklumat Polisi ini boleh menyebabkan tindakan undang-undang boleh diambil.

1.4 Pemakaian Polisi

1.4.1 Polisi ini terpakai kepada semua kakitangan MBI, Ahli Lembaga Pengarah (“ALP”) MBI, pihak berkepentingan dalam MBI dan rakan perniagaan MBI.

1.4.2 Semua kakitangan yang terlibat dalam perkara yang berkaitan dengan dasar ini dikehendaki memastikan pematuhan yang ketat kepada keperluan dan kandungan Polisi ini pada setiap masa. Ketidapatuhan hendaklah tertakluk kepada tindakan peraturan atau perundangan yang sewajarnya.

1.5 Definisi dan Singkatan

Di bawah menerangkan senarai singkatan / akronim dan takrifan masing-masing untuk tujuan Polisi ini.

Terma	Definisi
Ahli Lembaga Pengarah	Individu yang dipilih atau dilantik untuk menyelia kegiatan operasi organisasi. Ia termasuklah mana-mana individu yang memegang jawatan pengarah tidak kira dengan apa jua nama dipanggil dan termasuklah seseorang yang mengikut arahan atau petunjuk majoriti pengarah dan seorang pengarah silih ganti.
Akta	a) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694) (dan mana-mana pindaan yang diluluskan ke atasnya). b) Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001 (Akta 613) (dan mana-mana pindaan yang diluluskan ke atasnya).
Kakitangan	Individu yang dilantik bekerja untuk organisasi secara tetap, kontrak, sementara, atau sambilan (Tertakluk kepada terma dan syarat lantikan MBI).

Pengubahan Wang Haram	Suatu proses menukarkan perolehan yang dijana daripada kegiatan haram bertujuan untuk memberi suatu penampilan yang sah di sisi undang-undang. Ia adalah suatu proses membersihkan wang haram untuk menyembunyikan sumber asalnya.
Penyelewengan	Merujuk kepada perkara-perkara yang tidak terhad seperti berikut: <ul style="list-style-type: none"> • Pemalsuan dokumen; • Mengemukakan tuntutan palsu; • Penyalahgunaan dana organisasi; • Penyalahgunaan aset organisasi; • Memusnah, mencacat, mengubah atau menyembunyi maklumat atau dokumen;serta • Lain-lain kesalahan jenayah.
Pihak Berkepentingan	Organisasi yang ditubuh seperti syarikat milikan, yayasan, kelab sukan, pertubuhan dan Kesatuan Sekerja Syarikat Milikan termasuklah semua kakitangan dan ALP serta Ahli Pemegang Amanah syarikat milikan.
Rakan Perniagaan	Pembekal, kontraktor, perunding atau mana-mana pihak yang mempunyai urusan perniagaan atau perkhidmatan dengan organisasi.
Rasuah	Tindakan memberi, menawarkan, menerima, meminta atau setuju untuk menerima atau meminta suapan secara langsung atau tidak langsung sebagai dorongan atau upah untuk melakukan atau tidak melakukan perbuatan yang berkaitan tugas rasmi untuk faedah dirinya atau orang lain atau organisasi.
Salah Guna Kuasa	Menggunakan jawatan atau kedudukannya untuk apa-apa suapan, samada bagi dirinya sendiri atau saudaranya atau sekutunya. Tafsiran salah guna kuasa boleh dirujuk secara terperinci di bawah Seksyen 23 ASPRM 2009.
Suapan	Apa-apa manfaat yang ditawarkan, diterima, diminta atau dijanjikan diterima dalam apa-apa bentuk sebagai balasan untuk melakukan atau tidak melakukan atau untuk mempengaruhi sesuatu berkaitan tugas rasmi. Tafsiran dirujuk dibawah Seksyen 3 ASPRM 2009.

1.6 Kelulusan dan Kemaskini Polisi

- 1.6.1 Perubahan mungkin timbul dari semasa ke semasa dan adalah tanggungjawab Pemilik Dokumen, iaitu, Jabatan Pengurusan Risiko, Tadbir Urus dan Integriti (“JPRTUI”) untuk memastikan Polisi ini adalah dikemas kini seiring dengan keperluan.
- 1.6.2 Perubahan kepada dasar memerlukan kelulusan ALP MBI manakala perubahan dalam hal operasi hendaklah diluluskan oleh Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan MBI.
- 1.6.3 ALP MBI juga berhak untuk mengkaji, mengubah, meminda, mengemaskini dan/atau membatalkan Polisi ini pada bila-bila masa mengikut budi bicara. Sebarang perubahan atau penyemakan semula pada Polisi ini akan dimaklumkan kepada semua Syarikat Kumpulan MBI dengan serta merta, jika perlu.

1.7 Garis Panduan Kawal Selia dan Rujukan Lain

Dokumen ini hendaklah dibaca bersama-sama dengan dokumen dalaman lain dan garis panduan kawal selia luaran, jika terpakai. Senarai rujukan adalah termasuk dan tidak terhad kepada:

- 1.7.1 Polisi, standard prosedur serta mana-mana peraturan MBI yang sedang berkuatkuasa serta undang-undang di Malaysia seperti Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (“ASPRM”) 2009 (Akta 694), Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001 (Akta 613) (“AMLATFPUAA”), Kanun Keseksaan (Akta 574), Akta Syarikat 2016 (Akta 777), dan lain-lain akta yang berkaitan.

2. TAFSIRAN MBI SEBAGAI BADAN AWAM

- 2.1 Berdasarkan kepada Seksyen 3 ASPRM 2009, berikut adalah ditakrifkan sebagai badan awam iaitu:
 - (a) Kerajaan Malaysia;
 - (b) Kerajaan sesuatu Negeri;

- (c) Mana-mana pihak berkuasa tempatan dan mana-mana pihak berkuasa berkanun yang lain;
 - (d) Mana-mana jabatan, perkhidmatan atau pengusahaan Kerajaan Malaysia, Kerajaan sesuatu Negeri, atau sesuatu pihak berkuasa tempatan;
 - (e) Mana-mana pertubuhan yang didaftarkan di bawah Subseksyen 7(1) Akta Pertubuhan 1966;
 - (f) Mana-mana cawangan sesuatu pertubuhan berdaftar yang ditubuhkan di bawah Seksyen 12 Akta Pertubuhan 1966;
 - (g) Mana-mana badan sukan yang didaftarkan di bawah Seksyen 17 Akta Pembangunan Sukan 1997;
 - (h) Mana-mana koperasi yang didaftarkan di bawah Seksyen 7 Akta Koperasi 1993;
 - (i) Mana-mana kesatuan sekerja yang didaftarkan di bawah Seksyen 12 Akta Kesatuan Sekerja 1959;
 - (j) Mana-mana pertubuhan belia yang didaftarkan di bawah Seksyen 9 Akta Pertubuhan Belia dan Pembangunan Belia 2007;
 - (k) Mana-mana syarikat atau syarikat subsidiari yang terhadapnya atau yang dalamnya mana-mana badan awam yang disebut dalam perenggan (a) hingga (j) mempunyai kawalan atau kepentingan; atau
 - (l) Mana-mana pertubuhan, kesatuan, organisasi atau badan yang ditetapkan oleh Menteri dari semasa ke semasa melalui perintah yang disiarkan dalam Warta.
- 2.2 Justeru merujuk kepada perkara (d), MBI adalah merupakan satu badan awam yang mana ALP, kakitangan serta pihak berkepentingan MBI adalah disifatkan sebagai pegawai badan awam.
- 2.3 Oleh yang demikian, individu yang ditakrifkan sebagai pegawai badan awam boleh diambil tindakan atas kesalahan khusus yang diperuntukkan di bawah ASPRM 2009 mahupun AMLATFPUAA 2001.

3. BENTUK SUAPAN SERTA KESALAHAN UTAMA DALAM ASPRM 2009

3.1 Rasuah dalam semua peringkat operasi MBI adalah dilarang sama sekali. Suapan terdiri daripada pelbagai bentuk, antaranya adalah seperti berikut:

- (a) Wang, derma, alang, pinjaman, fi, hadiah, cagaran berharga, harta atau kepentingan mengenai harta, iaitu apa-apa jenis harta, sama ada alih atau tak alih, faedah kewangan, atau apa-apa manfaat seumpama itu yang lain;
- (b) Apa-apa jawatan, kebesaran, pekerjaan, kontrak atau perkhidmatan, dan apa-apa perjanjian untuk memberikan pekerjaan atau perkhidmatan atas apa-apa sifat;
- (c) Apa-apa bayaran, pelepasan, penunaian atau penyelesaian apa-apa pinjaman, obligasi atau liabiliti lain, sama ada keseluruhannya atau sebahagian daripadanya;
- (d) Apa-apa jenis balasan berharga, apa-apa diskau, komisen, rebat, bonus, potongan atau peratusan;
- (e) Apa-apa perbuatan menahan diri daripada menuntut apa-apa wang atau nilai wang atau benda berharga;
- (f) Apa-apa jenis perkhidmatan atau pertolongan lain, termasuk perlindungan daripada apa-apa penalti atau ketidakupayaan yang dikenakan atau yang dikhuatiri atau daripada apa-apa tindakan atau prosiding yang bersifat tata tertib, sivil atau jenayah, sama ada atau tidak sudah dimulakan, dan termasuk penggunaan atau menahan diri daripada menggunakan apa-apa hak atau apa-apa kuasa atau kewajipan rasmi; dan
- (g) Apa-apa tawaran, aku janji atau janji, sama ada bersyarat atau tidak bersyarat, untuk memberikan suapan mengikut pengertian mana-mana perenggan (a) hingga (f).

3.2 Berikut adalah merupakan perlakuan-perlakuan berunsur dan berpotensi rasuah:

- Transactive - Persetujuan untuk memberi dan menerima rasuah.
- Extortive - Ugutan dengan tujuan untuk tidak mengambil tindakan.
- Defensive - Bayaran dengan tujuan mendapatkan perlindungan.
- Investive - Bayaran untuk menjamin balasan / habuan pada masa akan datang.
- Nepotisme - Penyalahgunaan kuasa dan kedudukan untuk kepentingan peribadi / saudara (keluarga) / sekutu.
- Autogenic - Perlakuan rasuah yang telah menjadi amalan dan budaya dalam organisasi.
- Supportive - Penempatan proksi / kroni di tempat strategik dalam organisasi.

3.3 Berdasarkan kepada ASPRM 2009, terdapat kesalahan-kesalahan yang perlu dihindari oleh ALP, kakitangan, pihak berkepentingan serta rakan perniagaan MBI, dan berikut adalah merupakan empat (4) kesalahan utama rasuah iaitu:

3.3.1 Meminta / Menerima Rasuah – Seksyen 16 & 17(a) ASPRM 2009

Keterangan: Mana-mana individu atau ejen secara rasuah meminta / menerima suapan sebagai balasan untuk melakukan atau tidak melakukan sesuatu perkara. Sila rujuk ASPRM 2009 untuk keterangan lebih terperinci.

Penalti: Mana-mana individu yang melakukan kesalahan di bawah seksyen ini apabila disabitkan boleh:

- 1) Dipenjarakan tidak melebihi dua puluh (20) tahun; dan
- 2) Didenda tidak kurang daripada lima (5) kali ganda jumlah atau nilai suapan yang menjadi hal perkara kesalahan itu jika suapan itu dapat dinilai atau berbentuk wang, atau RM10,000 mengikut mana-mana yang lebih tinggi.

3.3.2 Memberi / Menawarkan Rasuah – Seksyen 17(b) ASPRM 2009

Keterangan: Mana-mana individu secara rasuah memberikan atau bersetuju untuk memberikan atau menawarkan apa-apa suapan kepada mana-mana ejen sebagai dorongan atau upah bagi melakukan atau tidak melakukan, atau kerana telah melakukan atau tidak melakukan apa-apa perbuatan berhubungan dengan hal ehwal atau perniagaan prinsipalnya, atau bagi memberikan atau tidak memberikan sokongan atau tentangan kepada mana-mana orang berhubungan dengan hal ehwal atau perniagaan prinsipalnya.

Penalti: Mana-mana individu yang melakukan kesalahan di bawah seksyen ini apabila disabitkan boleh:

- 1) Dipenjarakan tidak melebihi dua puluh (20) tahun; dan
- 2) Didenda tidak kurang daripada lima (5) kali ganda jumlah atau nilai suapan yang menjadi hal perkara kesalahan itu jika suapan itu dapat dinilai atau berbentuk wang, atau RM10,000 mengikut mana-mana yang lebih tinggi.

3.3.3 Mengemukakan Tuntutan Palsu – Seksyen 18 ASPRM 2009

Keterangan: Mana-mana individu menggunakan dokumen tuntutan seperti resit, invois dan sebagainya yang mempunyai butiran atau maklumat palsu dengan niat untuk memperdayakan prinsipalnya.

Penalti: Mana-mana individu yang melakukan kesalahan di bawah seksyen ini apabila disabitkan boleh:

- 1) Dipenjarakan tidak melebihi dua puluh (20) tahun; dan
- 2) Didenda tidak kurang daripada lima (5) kali ganda jumlah atau nilai butir matan yang palsu atau silap itu jika butir matan yang palsu atau silap itu dapat dinilai atau berbentuk wang atau RM10,000 mengikut mana-mana yang lebih tinggi.

3.3.4 Salah Guna Kuasa – Seksyen 23 ASPRM 2009

Keterangan: Pegawai Badan Awam menggunakan kedudukannya dalam membuat keputusan atau mengambil apa-apa tindakan berhubung dengan sesuatu perkara di mana dia, saudara atau sekutunya mempunyai kepentingan.

Penalti: Mana-mana individu yang melakukan kesalahan di bawah seksyen ini apabila disabitkan boleh:

- 1) Dipenjarakan tidak melebihi dua puluh (20) tahun; dan
- 2) Didenda tidak kurang daripada lima (5) kali ganda jumlah atau nilai butir matan yang palsu atau silap itu jika butir matan yang palsu atau silap itu dapat dinilai atau berbentuk wang atau RM10,000 mengikut mana-mana yang lebih tinggi.

4. TINDAKAN PENCEGAHAN

4.1 Dalam usaha menutup ruang dan peluang rasuah, ALP, kakitangan, pihak berkepentingan serta rakan perniagaan MBI hendaklah mengambil tindakan seperti berikut:

4.1.1 Tolak

Senario Rasuah Daripada Warga MBI

Mana-mana warga MBI adalah dilarang untuk memberi atau menawarkan sebarang bentuk suapan kepada pihak ketiga sebagai balasan untuk melakukan atau tidak melakukan sesuatu perkara berkaitan tugas rasmi untuk faedah dirinya atau orang lain atau organisasi.

Senario Rasuah Daripada Pihak Ketiga

Mana-mana warga MBI adalah dilarang untuk menerima atau setuju untuk menerima sebarang bentuk suapan daripada pihak ketiga sebagai balasan untuk melakukan atau tidak melakukan sesuatu perkara berkaitan tugas rasmi untuk faedah dirinya atau orang lain atau organisasi. Sekiranya diberi atau ditawarkan sebarang bentuk suapan, maka warga MBI hendaklah menolaknya.

4.1.2 Laporan

Mana-mana individu yang mengetahui perlakuan rasuah, salah guna kuasa atau penyelewengan samada pasti atau disyaki hendaklah melaporkannya kepada JPRTUI MBI. Individu tersebut juga boleh melapor terus kepada Suruhanjaya Pecegahan Rasuah Malaysia (“SPRM”) atau agensi penguatkuasa yang lain sekiranya perlu tanpa menerusi JPRTUI. Sila rujuk Polisi Pemberi Maklumat MBI untuk tatacara laporan aduan.

Sekiranya sesuatu aduan itu merupakan sebuah pengaduan (*Complainant*), maka individu terbabit akan diperuntukkan perlindungan di bawah Polisi Pemberi Maklumat MBI. Manakala, sekiranya aduan itu merupakan sebuah pemberian maklumat (*Whistleblowing*) yang diserahkan kepada agensi penguatkuasaan, maka individu terbabit akan diperuntukkan perlindungan di bawah Akta Perlindungan Pemberi Maklumat (Akta 711). **Kerjasama penuh kepada agensi penguatkuasa terbabit hendaklah diberikan oleh kesemua warga kerja MBI termasuklah tindakan menggeledah dokumen (disertakan waran), temuduga siasatan dan sebagainya.**

4.1.3 Diam

Mana-mana individu yang telah melaporkan aduan hendaklah tidak mendedahkan maklumat aduan kepada mana-mana pihak lain. Ini bertujuan bagi memastikan dan melindungi apa-apa keterangan dan bahan bukti daripada terjejas atau dimusnahkan. Individu berkenaan juga hendaklah turut merahsiakan identiti dan butiran mengenai pihak yang memberitahu kepadanya daripada mana-mana pihak lain. Ini bertujuan untuk melindungi pengadu daripada sebarang bentuk tindakan yang memudaratkan.

5. KEGAGALAN MELAPORKAN ADUAN BERKAITAN RASUAH

- 5.1 Mana-mana individu yang diberi, dijanjikan atau ditawarkan, apa-apa suapan dengan melanggar mana-mana peruntukan ASPRM 2009 hendaklah melaporkan pemberian, janji atau tawaran itu, beserta dengan nama, jika diketahui, individu yang memberikan, menjanjikan atau menawarkan suapan itu kepadanya kepada SPRM atau pegawai polis yang paling hampir (Seksyen 25 (1) ASPRM 2009).

- 5.2 Mana-mana individu yang tidak mematuhi Perkara 5.1 telah melakukan kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi RM100,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi sepuluh (10) tahun atau kedua-duanya (Seksyen 25 (2) ASPRM 2009).
- 5.3 Mana-mana individu daripadanya suapan telah diminta atau diperoleh, atau sesuatu percubaan telah dibuat untuk memperoleh suapan itu, dengan melanggar mana-mana peruntukan ASPRM 2009, hendaklah seawal yang mungkin selepas itu melaporkan permintaan atau perolehan, atau percubaan untuk memperoleh, suapan itu beserta dengan perihalan yang lengkap dan benar dan, jika diketahui, nama orang yang meminta, atau memperoleh, atau cuba memperoleh, suapan daripadanya itu kepada pegawai Suruhanjaya atau pegawai polis yang paling hampir (Seksyen 25 (3) ASPRM 2009).
- 5.4 Mana-mana individu yang tidak, tanpa alasan yang munasabah, mematuhi Perkara 5.3 telah melakukan kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi RM100,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua (2) tahun atau kedua-duanya (Seksyen 25 (4) ASPRM 2009).

6. PENGUBAHAN WANG HARAM, PEMBIAYAAN KEGANASAN DAN HASIL DARIPADA AKTIVITI HARAM

- 6.1 MBI mengamalkan toleransi sifar terhadap aktiviti perubahan wang haram dan pembiayaan keganasan atau aktiviti haram yang berlaku dalam organisasi. Sebarang transaksi pembelian atau pelaburan dengan menggunakan hasil rasuah atau hasil yang diperolehi secara jenayah merupakan perubahan wang haram di bawah AMLATFPUAA 2001 (Akta 613). Manakala kesalahan jenayah pembiayaan keganasan adalah dibawah Kanun Keseksaan (Akta 574).
- 6.2 Kesalahan perubahan wang haram berlaku apabila individu (Seksyen 4 (1) AMLATFPUAA 2001):
- (a) Terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam transaksi yang melibatkan hasil daripada aktiviti haram atau peralatan kesalahan;
 - (b) Memperoleh, menerima, memiliki, menyembunyikan, memindahkan, mengubah, menukar, membawa, melupuskan atau menggunakan hasil daripada aktiviti haram atau peralatan kesalahan;

- (c) Mengalihkan dari atau membawa masuk ke dalam Malaysia, hasil daripada aktiviti haram atau peralatan kesalahan; dan
- (d) Merahsiakan, menyembunyikan atau menghalang pemastian sifat sebenar, sumber, lokasi, pergerakan, pelupusan, hakmilik, hak berkenaan dengan, atau pemunyaan, hasil daripada aktiviti haram atau peralatan kesalahan.

6.3 Mana-mana individu tersebut dianggap melakukan kesalahan-kesalahan di Perkara 6.2 jika (Seksyen 4 (2) AMLATFPUAA 2001):

- (a) Individu itu tahu, mempunyai sebab untuk mempercayai atau mempunyai syak yang munasabah bahawa harta itu ialah hasil daripada aktiviti haram atau peralatan kesalahan; atau
- (b) Individu itu tanpa alasan yang munasabah tidak mengambil langkah yang munasabah untuk menentukan sama ada atau tidak harta itu ialah hasil daripada aktiviti haram atau peralatan kesalahan.

6.4 Kesalahan membiayai keganasan berlaku bila mana:

- (a) Mana-mana individu, dengan apa-apa cara, secara langsung atau tidak langsung, memberikan atau mengumpul atau menyediakan mana-mana harta dengan niat, ketahui atau yang ada sebab munasabah untuk mempercayai harta itu akan digunakan, secara keseluruhan atau sebahagian, untuk melakukan tindakan keganasan (Seksyen 130N Kanun Keseksaan);
- (b) Mana-mana individu, secara langsung atau tidak langsung memberikan atau menyediakan perkhidmatan kewangan atau kemudahan dengan tujuan khidmat dan kemudahan digunakan, atau mempunyai pengetahuan atau mempunyai sebab munasabah untuk mempercayai bahawa perkhidmatan dan kemudahan akan digunakan, sepenuhnya atau sebahagian darinya untuk tujuan melakukan atau membantu untuk melakukan perbuatan keganasan, atau bertujuan memanfaatkan mana-mana orang yang melakukan atau membantu perbuatan keganasan (Seksyen 130o (1) (a) Kanun Keseksaan);
- (c) Mana-mana individu mempunyai pengetahuan atau mempunyai alasan munasabah untuk mempercayai bahawa, secara keseluruhannya atau sebahagiannya, perkhidmatan atau kemudahan itu akan digunakan oleh

atau memanfaatkan mana-mana pegganas, entiti pegganas atau kumpulan pegganas (Seksyen 130_o (1) (b) Kanun Keseksaan);

- (d) Mana-mana individu dengan pengetahuan memasuki suatu perjanjian yang memudahkan pemerolehan, pengekalan atau pengawalan oleh atau bagi pihak orang lain akan harta pegganas dengan penyembunyian, dengan mengeluarkannya luar daripada bidangkuasa, dengan memindahmilik kepada nomini atau dengan mana-mana cara yang lain (Seksyen 130_p Kanun Keseksaan); dan
- (e) Mana-mana individu dengan pengetahuan mengendalikan, secara langsung atau tidak langsung akan mana-mana harta pegganas seperti mendapatkan atau memiliki mana-mana harta pegganas, memasuki atau memudahkan, secara langsung atau tidak langsung, apa-apa transaksi berkaitan harta pegganas, menukar atau menyembunyikan atau menyamakan harta pegganas, atau menyediakan apa-apa perkhidmatan kewangan yang lain berkaitan mana-mana harta pegganas atau untuk manfaat atau atas arahan mana-mana pegganas, entiti pegganas atau kumpulan pegganas (Seksyen 130_q Kanun Keseksaan).

6.5 Hasil daripada aktiviti haram pula ditafsirkan bila mana harta atau apa-apa kelebihan ekonomi atau keuntungan ekonomi daripada harta itu, di dalam atau di luar Malaysia yang keseluruhannya atau sebahagiannya:

- (a) Diperolehi atau didapati secara langsung atau tidak langsung, oleh mana-mana individu daripada aktiviti haram; atau
- (b) Diperolehi atau didapati daripada pelupusan atau urusan lain dengan harta yang disebut dalam perenggan (a); atau
- (c) Diperolehi dengan menggunakan harta yang diperolehi atau didapati oleh mana-mana individu melalui mana-mana pelupusan atau urusan lain sepertimana yang disebutkan di dalam perenggan (a) dan (b); atau
- (d) Disebabkan oleh apa-apa hal keadaan seperti sifat, nilai, lokasi atau tempat penemuannya, atau masa, cara atau tempat pemerolehannya, atau orang yang daripadanya harta itu diperolehi, atau perkaitannya dengan harta lain yang disebut dalam perenggan (a), (b) atau (c), boleh dengan semunasabahnya dipercayai adalah harta yang termasuk dalam ruang lingkup perenggan (a), (b) atau (c).

6.6 Berdasarkan kepada AMLATFPUAA 2001, berikut adalah kesalahan-kesalahan yang perlu difahami oleh ALP, kakitangan, pihak berkepentingan serta rakan perniagaan MBI, iaitu:

6.6.1 Seksyen 4(1) AMLATFPUAA 2001

Keterangan: Seseorang telah membuat kesalahan pengubahan wang haram dengan melibatkan diri, menerima atau menggunakan membawa masuk ke dalam Malaysia atau menyembunyikan sumber kepada hasil daripada aktiviti haram.

Penalti: Mana-mana individu yang melakukan kesalahan di bawah seksyen ini apabila disabitkan boleh:

- 1) Dipenjarakan tidak melebihi lima belas (15) tahun; atau
- 2) Didenda tidak kurang daripada lima (5) kali ganda jumlah hasil daripada aktiviti haram atau peralatan kesalahan itu pada masa kesalahan itu dilakukan atau didenda RM5 juta yang mana lebih tinggi.

6.6.2 Seksyen 4A AMLATFPUAA 2001

Keterangan: Tiada sesiapa pun dibenarkan untuk mengatur sebarang transaksi bagi mengelak institusi pelapor melaporkan kepada pihak berkuasa yang berwibawa bahawa terdapat transaksi yang melebihi jumlah tertentu.

Penalti: Mana-mana individu yang melakukan kesalahan di bawah seksyen ini apabila disabitkan boleh:

- 1) Dipenjarakan tidak melebihi tujuh (7) tahun; dan / atau
- 2) Didenda tidak lebih daripada lima (5) kali ganda jumlah atau nilai agregate transaksi ketika kesalahan itu dilakukan.

6.6.3 Seksyen 28B AMLATFPUAA 2001

Keterangan: Seseorang telah membuat kesalahan jika gagal mengisytiharkan amaun wang tunai, instrumen boleh niaga pembawa atau kedua-duanya yang melebihi nilai yang ditetapkan kepada pihak berkuasa berwibawa.

Penalti: Mana-mana individu yang melakukan kesalahan di bawah seksyen ini apabila disabitkan boleh:

- 1) Dipenjarakan tidak melebihi lima (5) tahun; dan / atau
- 2) Didenda tidak melebihi RM3 juta.

6.6.4 Seksyen 28F(4) AMLATFPUAA 2001

Keterangan: Seseorang telah membuat kesalahan jika membuat perisytiharan palsu, tidak tepat atau tidak lengkap berkenaan amaun wang tunai, instrumen boleh niaga pembawa yang melebihi nilai yang ditetapkan.

Penalti: Mana-mana individu yang melakukan kesalahan di bawah seksyen ini apabila disabitkan boleh:

- 1) Dipenjarakan tidak melebihi lima (5) tahun; dan / atau
- 2) Didenda tidak melebihi RM3 juta.

6.6.5 Seksyen 86A AMLATFPUAA 2001

Keterangan: Seseorang cuba melakukan jenayah di bawah AMLATFPUAA 2001, membantu merancang atau berkomplot.

Penalti: Mana-mana individu yang melakukan kesalahan di bawah seksyen ini apabila disabitkan boleh dihukum dengan sewajarnya mengikut Kanun Keseksaan.

6.6.6 Seksyen 89 AMLATFPUAA 2001

Keterangan: Seseorang telah membuat kesalahan jika dengan niat untuk memperdaya, berkenaan dengan sesuatu dokumen yang akan dikemukakan atau diserahkan di bawah mana-mana peruntukan AMLATFPUAA 2001.

Penalti: Mana-mana individu yang melakukan kesalahan di bawah seksyen ini apabila disabitkan boleh:

- 1) Dipenjarakan tidak melebihi lima (5) tahun; dan / atau

- 2) Didenda tidak melebihi RM3 juta; dan
- 3) Dalam hal kesalahan yang berterusan, hendaklah sebagai tambahan didenda tidak melebihi RM3 juta bagi setiap hari atau sebahagian daripadanya yang kesalahan itu terus dilakukan.

7. KEGAGALAN MELAPORKAN ADUAN BERKAITAN PENGUBAHAN WANG HARAM, PEMBIAYAAN KEGANASAN DAN HASIL DARIPADA AKTIVITI HARAM

7.1 Sesuatu institusi pelapor hendaklah dengan segera melaporkan kepada pihak berkuasa berwajib:

- a) apa-apa transaksi yang melebihi apa-apa amaun yang ditentukan oleh pihak berkuasa berwajib;
- b) apa-apa transaksi jika identiti orang yang terlibat, transaksi itu sendiri atau apa-apa hal keadaan lain berkenaan dengan transaksi itu memberi mana-mana pegawai atau pekerja institusi pelapor itu sebab untuk mengesyaki bahawa transaksi itu melibatkan hasil daripada aktiviti haram atau peralatan kesalahan;
- c) apa-apa transaksi atau harta jika mana-mana pegawai atau pekerja institusi pelapor itu mempunyai sebab untuk mengesyaki bahawa transaksi atau harta yang terlibat itu berhubungan atau berkaitan dengan, digunakan atau diniatkan untuk digunakan bagi atau oleh, mana-mana perbuatan keganasan, pengganas, kumpulan pengganas, entiti pengganas atau orang yang membiayai keganasan.

7.2 Selaras dengan Perkara 7.1, sebarang maklumat atau syak wasangka berkenaan aktiviti pengubahan wang haram hendaklah dikemukakan kepada JPRTUI sebagai institusi pelapor. Individu pelapor tidak mempunyai kuasa atau autoriti untuk mengemukakan laporan secara langsung kepada pihak berkuasa berwajib seperti Bank Negara Malaysia ("BNM") dan lain-lain yang berkenaan.

7.3 Ketidapatuhan kepada Perkara 7.1 adalah melakukan satu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi RM1 juta atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu (1) tahun atau kedua-duanya (Seksyen 14 (1) AMLATFPUAA 2001).

- 7.4 Organisasi hendaklah menyimpan dan menyenggara rekod, dokumen dan maklumat berkaitan akaun, transaksi atau hubungan perniagaan selaras dengan polisi pengurusan rekod MBI dari tarikh penamatan akaun, hubungan atau transaksi tersebut. Kegagalan untuk mematuhi keperluan ini boleh menyebabkan institusi dikenakan denda tidak melebihi RM3 juta atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima (5) tahun atau kedua-duanya, melainkan jika rekod telah diserahkan kepada pihak penguatkuasaan.

8. PEMILIKAN HARTA BERLEBIH-LEBIHAN

- 8.1 Mana-mana individu yang dikehendaki mengisytiharkan semua harta yang dimiliki olehnya atau yang dia mempunyai kepentingan di dalam atau di luar negara kepada SPRM boleh diminta untuk memberikan penjelasan kepada suruhanjaya tersebut bagaimana individu berkenaan mampu memiliki harta yang dipercayai bersifat berlebih-lebihan.
- 8.2 Sekiranya individu berkenaan gagal memberikan penjelasan yang memuaskan maka individu tersebut boleh didakwa sebagai melakukan suatu kesalahan. Hukuman bagi kesalahan ini ialah penjara tidak melebihi 20 tahun dan denda tidak kurang 5 kali ganda nilai harta berlebih-lebihan mengikut mana yang tinggi (Seksyen 36(3) ASPRM 2009).

9. PENYITAN DAN PELUCUTAN HARTA

- 9.1 Mana-mana wang, barangan atau apa-apa harta yang menjadi hal suatu kesalahan rasuah boleh disita dan dilucutkan sama ada melalui pendakwaan atau pun tanpa pendakwaan (Seksyen 33(1), 37(1), 38(1), 40(1) dan 41(1) ASPRM 2009).
- 9.2 Mana-mana harta yang diperolehi atau perniagaan yang dibuat dengan menggunakan hasil daripada kesalahan rasuah juga boleh disita dan dilucutkan sama ada melalui pendakwaan atau pun tanpa pendakwaan di bawah Seksyen 50(1), 51(1), 52(1), 55(1) dan 56(1) AMLATFPUAA 2001.

10. KESALAHAN DI LUAR MALAYSIA

- 10.1 Kesalahan rasuah dan penyelewengan, di mana berkenaan, yang dilakukan di luar negara adalah juga disifatkan sebagai menjadi suatu kesalahan seolah-olah ianya telah dilakukan di dalam negara, seperti mana yang diperuntukan di bawah Seksyen 66(1) ASPRM 2009.

11. PERATURAN BERKAITAN BAYARAN KEMUDAHAN

- 11.1 ALP, kakitangan serta pihak berkepentingan MBI adalah dilarang membuat atau menggunakan pihak ketiga untuk membuat bayaran tidak rasmi atau bayaran pemudahan untuk mendapatkan atau mempercepatkan tindakan pentadbiran rutin. Sekiranya warga MBI menerima permintaan untuk pembayaran pemudahan, hendaklah dengan segera melaporkannya kepada JPRTUI MBI.
- 11.2 MBI mengutamakan keselamatan kesemua kakitangannya. Sekiranya ia melibatkan keselamatan dan sekuriti kakitangan MBI, pembayaran pemudahan dibenarkan jika menepati kesemua perkara dibawah:
- 11.2.1 Tiada alternatif lain / pilihan terakhir untuk melindungi keselamatan dan sekuriti kakitangannya;
 - 11.2.2 Kelulusan daripada Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan MBI mestilah diperolehi selepas kejadian;
 - 11.2.3 Satu laporan mengenai pembayaran tersebut mestilah disediakan oleh JPRTUI dan dibentangkan kepada Jawatankuasa Integriti ("JI") MBI untuk keputusan; dan
 - 11.2.4 Tiada unsur manipulasi ke atas keselamatan dan sekuriti kakitangan bagi membenarkan bayaran pemudahan sehingga menjadikan ia satu (1) amalan.

12. LIABILITI KORPORAT

- 12.1 Seksyen 17A ASPRM 2009 adalah satu peruntukan yang menetapkan prinsip liabiliti korporat yang mana organisasi komersil melakukan kesalahan jika **seseorang yang bersekutu** dengan **organisasi komersil** itu secara rasuah memberikan, bersetuju untuk memberikan, menjanjikan atau menawarkan kepada mana-mana orang apa-apa suapan sama ada bagi faedah orang itu atau bagi faedah orang lain dengan niat:
- 12.1.1 Untuk memperoleh atau mengekalkan perniagaan bagi organisasi komersil; atau
 - 12.1.2 Untuk memperoleh atau mengekalkan faedah dalam menjalankan perniagaan bagi organisasi komersil itu.

- 12.2 Memandangkan MBI ditubuhkan di bawah Enakmen Menteri Besar Selangor 1994, maka **ianya tidak tertakluk di bawah peruntukan akta berkenaan melainkan Syarikat Milikan sahaja**. Namun begitu, terdapat situasi di mana warga MBI dilantik menjadi wakil korporat, Ketua Pegawai Eksekutif mahupun pengarah Syarikat Milikan tidak kira dengan apa jua nama dipanggil. Justeru, risiko dikenakan penalti Seksyen 17A ASPRM bagi individu berkenaan adalah termaktub.
- 12.3 Menurut Perkara 8 Seksyen 17A ASPRM 2009, organisasi komersil merujuk kepada:
- 12.3.1 Suatu syarikat diperbadankan di bawah Akta Syarikat 2016 / dimana jua diperbadankan yang menjalankan perniagaan / sebahagian perniagaan di Malaysia / tempat lain.
 - 12.3.2 Suatu perkongsian di bawah Akta Perkongsian 1961 / merupakan perkongsian liabiliti terhad di bawah Akta Perkongsian Liabiliti Terhad 2012 / dimana sahaja ditubuhkan yang menjalankan perniagaan di Malaysia / tempat lain.
- 12.4 Manakala, menurut Perkara 6 Seksyen 17A Akta SPRM 2009, orang bersekutu boleh didefinisikan sebagai:
- 12.4.1 Pengarah, pegawai atau rakan kongsi organisasi (pembekal, entiti usahasama); dan
 - 12.4.2 Individu yang melaksanakan tugas bagi pihak organisasi (ejen, perunding, konsultan). Ditentukan menerusi semua hal keadaan dan bukan sahaja sifat hubungan dengan organisasi.
- 12.5 Penalti bagi Seksyen 17A ASPRM adalah denda tidak kurang sepuluh (10) kali ganda daripada nilai suapan atau RM1 juta, mana-mana yang lebih tinggi, atau dipenjara selama dua puluh (20) tahun, atau kedua-duanya sekali. Golongan yang boleh dikenakan penalti adalah pengarah, pengawal, pegawai, pekongsi atau individu yang terlibat dengan pengurusan hal ehwal nya. Melainkan jika orang itu membuktikan kesalahan tersebut dilakukan tanpa keizininannya atau pembiarannya dan dia telah menjalankan segala usaha wajar bagi menghalanginya.

- 12.6 Satu-satunya pertahanan adalah untuk menunjukkan bahawa terdapat prosedur yang mencukupi (Tatacara Mencukupi) untuk melarang, mencegah dan mengesan kelakuan sedemikian menerusi lima (5) teras utama iaitu *Top Level Commitment, Risk Assessment, Undertake Control Measure, Systematic Review Monitoring & Enforcement, and Training & Communication*.

13. FUNGSI DAN TANGGUNGJAWAB

13.1 Ahli Lembaga Pengarah

Peranan dan tanggungjawab ALP MBI adalah seperti berikut:

- 13.1.1 Menyemak dan meluluskan Polisi ini; serta
- 13.1.2 Memastikan Polisi ini digunakan dan dikuatkuasakan diseluruh peringkat operasi MBI.

13.2 Jawatankuasa Lembaga Tadbir Urus dan Pengurusan Risiko / *Board Governance And Risk Management Committee* (“BGRMC”)

Peranan dan tanggungjawab BGRMC MBI adalah seperti berikut:

- 13.2.1 Menyemak dan mengesyorkan Polisi ini untuk kelulusan ALP MBI; serta
- 13.2.2 Memantau penguatkuasaan Polisi ini menerusi pembentangan laporan oleh JPRTUI MBI dari semasa ke semasa.

13.3 Jabatan Pengurusan Risiko, Tadbir Urus dan Integriti (“JPRTUI”)

Peranan dan tanggungjawab JPRTUI MBI adalah seperti berikut:

- 13.3.1 Mengemaskini Polisi seiring dengan keperluan semasa; serta
- 13.3.2 Mengedarkan dan memberi keterangan kepada kakitangan MBI dan Syarikat Milikan berkaitan intipati Polisi ini.

13.4 Warga Kerja

Peranan dan tanggungjawab warga kerja MBI adalah seperti berikut

13.4.1 Memahami dan mematuhi segala intipati Polisi ini.